

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir

25
NOV

GABUNGAN HEBAT PELAJAR SAINS DAN SASTERA RAIH TEMPAT KETIGA FESTIVAL NASYID PULAU PINANG 2017



USM, PULAU PINANG, 23 November 2017 - 5 orang pelajar gabungan jurusan Sains dan Sastera USM iaitu Muhammad Ikhran Khalid (Pusat Pengajian Komunikasi), Fiqry (Pusat Pengajian Sains Matematik), Syolahuddin (Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan), Mohd Danial Mohd Murshid (Pusat Pengajian Sains Farmasi) dan Mohamad Aiman Hamzah (Pusat Pengajian Pengurusan) berjaya memperolehi tempat ketiga di Festival Nasyyid peringkat negeri Pulau Pinang yang berlangsung di Dewan Budaya USM kelmarin.

Kumpulan ini juga adalah generasi penerus daripada kumpulan nasyyid USM yang mula berkecimpung sejak tahun 90-an dahulu antaranya ialah Ustaz Manis iaitu personaliti TV Al-Hijrah.

Mendengarkan lagu bertajuk Kembara Maha Esa karya penulis lirik Pegawai Tadbir Institut Pengajian Siswazah USM, Ezal Ezham Azami, kumpulan ini berjaya membawa pulang wang tunai RM300, sijil dan trofi.

Lagu ini berkisarkan mengenai nilai kehambaan seseorang individu atau khalifah di muka bumi ini ada Pencipta dan ia lebih merujuk kepada di dalam hidup ini segalanya adalah untuk Tuhan yang satu atau Maha Esa. Lagu dan lirik ini adalah kolaborasi bersama Ezal dan Mohd Hazrat Mohamad Yusof atau nama penanya Lat Yusuf.

Festival ini merupakan penyertaan pertama kali oleh kumpulan Head.One mewakili Dewan Budaya USM dan kali keempat bagi Dewan Budaya USM dengan penyertaan kumpulan Nur Ikhwan dan Adani pada tahun 2014 (Nur Ikhwan), 2015 (Nur Ikhwan), 2016 (Nur Ikhwan dan Adani), 2017 (Head.One).

Festival kali ini dijuarai oleh kumpulan dari Jabatan Imigresen Pulau Pinang dan tempat kedua pula ialah Kumpulan Gabungan Guru-Guru KAFA Pulau Pinang.

Teks: Hafiz Meah Ghouse Meah & Murshid Md Hussain/Foto: Ezal Ezham Azami



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>).

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015